

<b>Headline</b>	<b>DBKL, Frim tambah kehijauan ibu kota</b>		
<b>MediaTitle</b>	Sinar Harian		
<b>Date</b>	11 Mar 2013	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	Selangor & KL	<b>Circulation</b>	<b>60,000</b>
<b>Page No</b>	18	<b>Readership</b>	<b>180,000</b>
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	<b>150 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	<b>RM 825</b>
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	<b>RM 2,475</b>



# DBKL, Frim tambah kehijauan ibu kota

**KUALA LUMPUR** - Memorandum persefahaman antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) kini dalam peringkat untuk dimuktamadkan dalam usahasama untuk program penanaman pokok hutan yang sesuai sekitar ibu kota.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, usahasama itu penting dalam usaha menambah kehijauan sekitar ibu kota.

Menurutnya, pihaknya mengadakan perbincangan dengan Frim bagi mengenal pasti jenis pokok yang sesuai ditanam dalam bandar.

"Kerjasama dengan Frim amat diperlukan kerana ianya satu agensi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa di mana kepakaran yang mereka ada perlu untuk tujuan pengawasan, dan penyediaan pokok melalui teknik penanaman.

"Ianya juga boleh dijadikan sebagai khazanah simpanan pokok untuk generasi akan datang," katanya pada sidang media selepas Program Penanaman Pokok di Pusat Latihan Polis (Pulapol), Jalan Semarak, di sini, baru-baru ini.

Pada program itu, sebanyak 246 pokok rendang dan 1,800 pokok renek ditanam dengan penglibatan 595 pelatih polis di situ.



AHMAD PESAL

Dalam pada itu, Ahmad Phesal berkata, pihaknya dalam proses menaiktaraf enam taman sekitar ibu kota yang dikenal pasti untuk ditingkatkan kemudahan peralatan rekreatif dan penambahan koleksi pokok.

Katanya, ia juga seiring dengan penubuhan 'Sahabat Taman' yang mana akan berperanan memastikan kemudahan di taman terlibat terjaga.

"Ada juga tawaran daripada pertubuhan bukan kerajaan yang mahu bersama mewujudkan Sahabat Taman ini iaitu untuk Taman Pudu Ulu, Jalil, Taman Botani, Taman Metropolitan Batu dan Metropolitan Kepong," katanya.